

22/06/2001

Gelak dengar haprak

PERWAKILAN yang khusyuk mendengar ucapan perasmian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam gelak apabila Perdana Menteri menyebut perkataan `haprak' sebagai menggambarkan sikap negatif sesetengah pihak terutama pembangkang.

Dr Mahathir menyebut ungkapan bahasa Utara itu sebanyak tiga kali dalam ucapannya selama kira-kira dua jam. Mengikut kamus dewan, haprak bermaksud tidak bergunanya (seseorang).

"Hanya haprak yang suka menjunjung Orang Putih saja yang tidak mengakui semua ini," katanya merujuk kepada sikap orang asing yang benci kepada Malaysia.

Dr Mahathir sekali lagi menggunakan perkataan yang sama apabila menyatakan ramai orang Melayu yang akan jadi kaki bodek orang asing, yang ingin dipuji kerana mereka kononnya begitu progresif dan `worldly'.

"Mereka lebih teruk daripada orang asing ini. Hari ini pun kita boleh kesan haprak ini," katanya.

(END)